



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : TEORI SENIBINA 1**  
**KOD KURSUS : DSB1053**  
**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020**  
**MASA : 6 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (10 Markah)  
BAHAGIAN B (30 Markah)  
BAHAGIAN C (60 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Pelajar dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana - mana sumber yang berkaitan.
4. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
5. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
6. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
7. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Terdapat **tiga (3)** gaya dominan reka bentuk masjid dan madrasah yang boleh didapati pada majoriti wilayah Islam iaitu:
  - A Hambali, Maliki dan Syafie
  - B Kaligrafi, pencahayaan dan air
  - C Madaniyah, Diniyah dan Harbiyah
  - D *Hypostyle*, 4 Iwan dan Susun Atur Berpusat
  
2. Yang manakah antara berikut faktor yang mempengaruhi perkembangan senibina Romanesque?
  - i. Sistem feodal
  - ii. Ziarah suci / *pilgrimage*
  - iii. Sejarah serangan barbarian ke atas empayar Rom
  - iv. Lantikan Charlemagne sebagai Maharaja *Holy Roman*
  - A i, ii, iii
  - B i, iii, iv
  - C ii, iii, iv
  - D i, ii, iii, iv
  
3. Berikut adalah kenyataan yang benar tentang elemen senibina Gothic **kecuali**
  - A Terdapat dua warna utama pada tingkap iaitu biru dan merah
  - B Gerbang runcing (*pointed arch*) diilhamkan daripada senibina Islam yang banyak terdapat di Sepanyol.
  - C Gerbang merupakan imej bagi senibina biara dan gereja yang membawa maksud 'menunduk ke bumi/besederhana'.
  - D Penggunaan tiang ramping dan ringan membolehkan perletakkan tingkap yang besar dan banyak pada bahagian dinding.

**4.** Pilih kenyataan yang **betul** tentang senibina Renaissance

- i. Menekankan aspek simetri, *proportion*, geometri dan kesatuan
- ii. Bangunan gereja, istana dan hospital dibiayai oleh pihak gereja, bangsawan dan orang berada.
- iii. Arkitek merekabentuk bangunan menggunakan pendekatan logik dan terikat dengan peraturan matematik
- iv. Arkitek merekabentuk bangunan menggunakan motif floral dan elemen lengkungan serta bebas menggunakan imaginasi.

- A** i, ii  
**B** i, ii, iii  
**C** ii, iii, iv  
**D** i, ii, iii, iv

**5.** Apakah gaya senibina yang berkaitan dengan ungkapan berikut?

“...kompleks, rumit, *asymmetry*, *emotional*, komposisi berlebihan...”

- A** Gothic  
**B** Baroque  
**C** Renaissance  
**D** Romanesque



Soalan 6 berdasarkan **Gambarajah 1: Lumiere dan Cogsworth dalam Beauty and the Beast**


6. Reka bentuk watak filem dalam Gambarajah 1 dikait rapat dengan seni/senibina berikut:

- A Gothic
- B Rococo
- C Renaissance
- D Romanesque

7. Elemen-elemen berikut dikaitkan dengan simbol budaya dan senibina Hindu-Budha di Asia Timur dan Asia Tenggara

- i. Goryu
- ii. Stupa
- iii. Torana
- iv. Sikhara

- A i, ii
- B i, ii, iii
- C ii, iii, iv
- D i, ii, iii, iv



Soalan 8 berdasarkan **Gambarajah 2**

8. Namakan sistem yang digunakan dalam pembinaan senibina tradisi China dalam Gambarajah 2.

- A li
- B Jian
- C Tatami
- D Toukong

9. Kenyataan untuk ungkapan berikut merujuk kepada

“...kuil diraja yang paling penting di Beijing di mana maharaja-maharaja era Dinasti Ming dan Qing menyembah tuhan syurga dan memohon untuk hasil tuaian yang baik...”

- A *Temple of Heaven*
- B *The Forbidden City*
- C *Qin Shi Huang Tomb*
- D *Taoist Gung Fu Temple*

10. Pilih kenyataan yang **betul** tentang karakter senibina Jepun berikut:

- i. Berasal daripada senibina India, tetapi telah diperhalusi dan mempunyai kriteria yang tersendiri
- ii. Mempunyai bumbung teres rata yang membezakan senibinanya dengan senibina di Timur Tengah dan India
- iii. ‘Ken’ merujuk kepada istilah ukuran piawai yang digunakan dalam menyusun atur kedudukan tiang
- iv. Mengguna pakai konsep perbandaran yang dibahagikan kepada dua (2) bahagian iaitu ‘bandar’ dan ‘pasar’

- A i, ii
- B ii, iii
- C ii, iv
- D iii, iv

**[10 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**


Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan

**SOALAN 1**

Gambarajah 3 menunjukkan ruangan/elemen/binaan senibina Islam.

- Namakan i - v
- Suaikan (soalan a) dengan padanan yang **betul**.



A. "dikait rapat dengan unsur geometri. Banyak digunakan sebagai *frame* di sepanjang elemen bangunan seperti *cornice* dan laluan"

B. "penambah kualiti dinamik, memberi kesan kepada bentuk objek hasil daripada kesan bayangan yang berubah mengikut masa"

C. "penambah kualiti dinamik dan alat dekorasi selain menegaskan paksi ruang"

D. "sebagai penanda arah kiblat dan didirikan menghala ke arah Mekah"

E. "bentuk tirus tinggi, sebagai *focal point*, memastikan laungan azan didengari dari jarak jauh"

F. "terletak di atas bangunan dan menjadi sebahagian daripada bumbung masjid"

G. "satu ruang luaran yang memberikan privasi dan kadang kala dirujuk sebagai *senibina yang tersembunyi*"


**Gambarajah 3**

(10 markah)

SOALAN 2

Gambarajah 4 menunjukkan ruangan/elemen/binaan senibina Gothic.

- a. Namakan i - v
- b. Suaikan (soalan a) dengan padanan yang betul.



Gambarajah 4

A. "penggunaan elemen ini membuatkan beban disalurkan ke elemen struktur lain dan membolehkan saiz tiang yang lebih kecil digunakan untuk menyokong gerbang"

B. "struktur ini bertemu di tengah-tengah siling pada setiap bay yang menjadi identiti senibina Gothic"

C. "elemen hiasan yang berfungsi sebagai pengalir air hujan /gutter "

D. "tingkap besar berbentuk roda yang dibahagikan mengikut segmen dan ditutup dengan kaca bewarna"

E. "di sambung dengan dinding luaran gereja sebagai struktur tambahan yang menyokong bumbung "

F. "sebagai penyokong bangunan dan menggunakan roman order iaitu doric, ionic, corinthian, tuscan dan composite"

G. "sejenis gerbang corbelleza yang dibuat pada dinding juga dipanggil corbel table / blind arch"


(10 markah)

## SOALAN 3

Gambarajah 5 menunjukkan taipologi kuil Hindu purba jenis Nagara dalam senibina India.

- Namakan i - v
- Suaikan (soalan a) dengan padanan yang betul

Gambarajah 5



A. "binaan gerbang berskala besar dan dipenuhi dengan ukiran dengan jumlah <i>kalasa</i> yang ganjil di bahagian atas "	B. "ruang suci / <i>womb - chamber</i> , tempat utama diletakkan"	C. "struktur gundukan atau hemisfera yang digunakan sebagai tempat meditasi dan mempunyai gerbang "	D. "dewan hadapan kuil dan tempat menyimpan artikel penyembahan termasuk makanan semasa acara tertentu"	E. "ruangan paling tinggi kuil dan diukir dengan megah dan berbeza dari segi bentuk mengikut negara"	F. "elemen berbentuk <i>inverted pot</i> yang di letakkan di puncak menara kuil dan merupakan simbol penting dalam kuil Hindu"	G. "struktur terbuka seperti <i>porch</i> . Digunakan untuk tarian dan muzik keagamaan. Jumlah ruang ini boleh bertambah mengikut saiz kuil"
---	---	---	---	--	--	--

(10 markah)

[30 MARKAH]



**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan, jawab semua soalan.

Tulis jawapan anda pada buku jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Senaraikan **tiga (3)** jenis bangunan utama dalam taipologi senibina gaya Romanesque.

(3 markah)

- b. Jelaskan **dua (2)** ciri-ciri umum gaya senibina Romanesque

(4 markah)

- c. Pada pendapat anda, mengapakah imej bangunan istana era Renaissance kelihatan seperti kubu? Bagaimana pula kehidupan penghuni di dalam istana era itu? Beri pendapat anda dari sudut senibina.

(Pendapat: 8 markah)

(Kehidupan di dalam istana: 5 markah)

(13 markah)

**SOALAN 2**

- a. Senaraikan **empat (4)** daripada ramai tokoh terkenal era Renaissance yang menjadi pencetus kegemilangan dunia Renaissance.

(4 markah)

- b. Jelaskan secara ringkas **dua (2)** kriteria senibina Renaissance.

(4 markah)

- c. Dengan menggunakan struktur ayat anda sendiri, huraikan **dua (2)** maklumat tentang elemen-elemen senibina Renaissance berikut beserta lakaran
- i. tampak bangunan (facade)
  - ii. kubah (dome)
  - iii. tingkap

(Lakaran: 3 markah)

(Huraian: 9 markah)

(12 markah)

### SOALAN 3

- a. Jelaskan secara ringkas fungsi elemen-elemen dalam istana senibina Jepun berikut
- i. Menara istana (tenshukaku)
  - ii. Dinding dan parit
  - iii. Menara keselamatan (yagura)
  - iv. Istana (goten)
  - v. Kediaman shoin - zukuri

(10 markah)

- b. *Shinto shrine* merupakan salah satu kategori utama senibina tradisi Jepun. Hurai dan lakarkan.

(Huraian: 8 markah)

(Lakaran: 2 markah)

(10 markah)

**[60 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**